

Link : <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/10/1168578/himpunan-malaysia-bersama-palestin-di-bukit-jalil-malam-esok>

NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

## 'Himpunan Malaysia Bersama Palestin' di Bukit Jalil malam esok

Oleh Muhaamad Hafis Nawawi - Oktober 23, 2023 @ 5:17pm  
bhnews@bh.com.my



Gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seluruh Malaysia akan menganjurkan 'Himpunan Malaysia Bersama Palestin' di Axiata Arena, Bukit Jalil, di sini, malam esok. - NSTP/Eizairi Shamsudin

KUALA LUMPUR: Gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seluruh Malaysia akan menganjurkan 'Himpunan Malaysia Bersama Palestin' di Axiata Arena, Bukit Jalil, di sini, malam esok.

Himpunan ini dijangka turut dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang akan menyampaikan amanat khas sebaik sahaja pulang dari Timur Tengah.

Program yang akan dimulakan dengan solat Maghrib berjemaah itu bakal diteruskan dengan ucapan wakil-wakil NGO sebelum ditutup oleh amanat Perdana Menteri.

Pengerusi Serantau Muslim yang juga seorang daripada sekretariat program, Hakim Mohd Nor berkata himpunan bertujuan menunjukkan kesatuan Malaysia terhadap rakyat Palestin yang sedang dizalimi Israel.

Katanya, himpunan ini mensasarkan tiga objektif utama iaitu untuk menghentikan peperangan di Palestin, selain menghentikan tindakan membunuh kanak-kanak, wanita dan orang tidak berdaya di Palestin serta menunjukkan kesatuan suara umat Islam di seluruh dunia

"Himpunan yang bertemakan pakaian putih ini dijangka dihadiri lebih 20,000 orang," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Global Peace Mission dan juga seorang daripada sekretariat program, Ahmad Fahmi Samsudin berkata, himpunan seperti ini akan diteruskan di negeri-negeri lain.

Katanya, Siri Jelajah 1,000,000 Pembela Palestin akan dimulakan di Stadium Hang Jebat, Melaka pada 29 Oktober ini.